

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 – 6/1/1Jld 4(2)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN
SUBANG JAYA BIL. 2 TAHUN 2017**

Tarikh	:	28 Februari 2017 (Selasa)
Masa	:	10.00 pagi hingga 11.50 pagi
Tempat	:	Bilik Mesyuarat Kenanga, Aras 2, Ibu pejabat, Majlis Perbandaran Subang Jaya
Kehadiran	:	Seperti di Lampiran A

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Tuan Haji Mohd Zulkurnain Bin Che Ali, Timbalan Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

2.0 PERUTUSAN PENGERUSI

YBhg. Dato' Pengerusi memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini adalah Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 2/2017 dan seterusnya memaklumkan beberapa perkara seperti berikut:

2.1 PROGRAM ORIENTASI DAN MENTORING PENERAK BELIA TEMPATAN (PeBT) MPSJ 2017

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan **Program Orientasi dan Mentoring Penerak Belia Tempatan (PeBT) MPSJ 2017**. Objektif program ini diadakan bertujuan untuk membentuk sahsiah dan kerohanian

Pengerusi PeBT dalam melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan, memupuk sifat bekerjasama dikalangan PeBT dan mengeratkan hubungan silaturahmi dikalangan Pengerusi PeBT dan Pegawai Kawasan.

Maklumat program adalah seperti berikut:

Tarikh : 10 – 12 Mac 2017 (Jumaat - Ahad)

**Tempat : Hotel Bayview dan Escape Theme Park,
Pulau Pinang**

Peserta program terdiri daripada Ahli Majlis, Pengerusi PeBT dan Pegawai Kawasan

2.2 MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA TAHUN 2016

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MPSJ tahun 2016 seperti maklumat berikut:

Tarikh : 24 Mac 2017 (Jumaat)

Masa : 3.00 petang – 5.30 petang

**Tempat : Grand Selangor Ballroom, Dorsett
Grand Subang**

Majlis anugerah ini akan meraikan seramai 129 orang pegawai dan kakitangan MPSJ yang terpilih untuk menerima anugerah di atas perkhidmatan cemerlang yang diberikan. Disamping itu juga, seramai 10 orang wargakerja MPSJ yang akan bersara turut diraikan. Pihak Majlis merakamkan ucapan terima kasih dan

penghargaan diatas sumbangan dan jasa sepanjang perkhidmatan mereka di MPSJ.

Semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ adalah dijemput hadir bagi memeriahkan majlis ini.

2.3 LAPORAN DEMAM DENGGI

Sehingga minggu epid ke tujuh (7) tahun 2017, MPSJ telah mencatatkan 895 kes demam denggi. Jumlah ini menunjukkan penurunan sebanyak 47% jika dibandingkan dengan bilangan kes minggu epid yang sama pada tahun lepas iaitu sebanyak 1,707 kes.

Lokaliti hotspot demam denggi sehingga minggu epid ketujuh adalah berjumlah **17** iaitu seperti berikut:

BIL	ZON	BILANGAN LOKALITI HOTSPOT
1.	Subang Jaya	1
2.	Seri Serdang	8
3.	Seri Kembangan	4
4.	Kinrara	4
JUMLAH		17

Pada 26 Februari 2017 yang lalu, Kerajaan Negeri Selangor telah melancarkan program '**Semburan Aerosol Selangor: Satu rumah, Satu aerosol**' serentak di semua 12 PBT Selangor. MPSJ telah memilih lokaliti Pangsapuri Sri Tanjung, USJ 16 sebagai tapak pelancaran dan dirasmikan oleh YB Ng Sze Han, ADN Kinrara.

Sebanyak 200 tin aerosol sumbangan Kerajaan Negeri telah diedarkan ke rumah-rumah yang telah menjalani pemeriksaan tempat pembiakan nyamuk. Penduduk yang bekerjasama diberikan aerosol percuma dan pendidikan secara terus berkaitan pencegahan denggi serta penggunaan aerosol secara selamat.

Program ini untuk menggalakkan penduduk mengambil inisiatif membuat semburan aerosol di dalam rumah sendiri yang boleh menjadi tempat nyamuk berlindung. Pihak Pejabat Kesihatan Daerah Petaling dan PBT akan membuat kawalan demam denggi seperti *fogging dan larvasiding* seperti yang dijadualkan. Oleh itu, sekiranya penduduk turut membuat semburan aerosol di dalam rumah, maka nyamuk *Aedes* dewasa dapat dihapuskan dengan lebih menyeluruh.

Ahli Majlis juga boleh melaksanakan program ini semasa aktiviti gotong-royong dijalankan oleh JKP. Permohonan peruntukan juga boleh dibuat kepada ADN bagi pembelian aerosol atau racun jentik-jentik kerana Kerajaan Negeri akan menyalurkan RM10,000.00 bagi setiap ADN khas untuk program berkaitan demam denggi.

2.4 AKTIVITI BAZAR RAMADHAN MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA 2017

MPSJ telah melaksanakan **permohonan Bazar Ramadan secara *on-line*** bagi memudahkan peniaga-peniaga yang ingin berurusan tanpa perlu beratur dan bersesak untuk mendapatkan borang.

Inovasi permohonan secara *on-line* pada tahun ini membolehkan pemohon membuat permohonan secara terus di hujung jari dengan melancarkan penggunaan *mobile web* dimana setiap permohonan boleh di akses menggunakan telefon pintar.

Permohonan Bazar Ramadan 2017 dibuka secara *online* bermula **13 Februari 2017 (Isnin)** dan tarikh akhir permohonan adalah pada **28 Februari 2017 (Isnin)**. Walaubagaimanapun, tarikh permohonan secara *online* akan disambung seminggu lagi sehingga **07 Mac 2017 (Selasa)** bagi memberi peluang kepada pemohon untuk membuat permohonan.

2.5 PROGRAM KELULUSAN KHAS TAMBAHAN DAN UBAHSUAIAN BALKONI DAN BAHAGIAN BELAKANG RUMAH KEDIAMAN

Program kelulusan khas tambahan dan ubahsuaian balkoni dan bahagian belakang rumah kediaman telah bermula sejak 1 Ogos 2016 dan akan tamat pada 28 Februari 2017. Walau bagaimanapun, pihak MPSJ telah bersetuju untuk melanjutkan program ini selama 6 bulan lagi sehingga **31 Ogos 2017** berikutan permintaan daripada orang awam dan wakil-wakil penduduk setempat.

Setakat ini, Jabatan Bangunan telah mengeluarkan 40,000 notis arahan mengemukakan permohonan kelulusan pelan kepada pemilik-pemilik rumah di kawasan pentadbiran MPSJ.

Sebanyak 471 permohonan telah diluluskan sehingga Januari 2017, manakala bagi penerimaan Sijil Perakuan Dan Siap Bina (CCC), sebanyak 208 cadangan telah diterima.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Bangunan memohon kerjasama daripada ahli-ahli majlis MPSJ dan pihak media untuk mewar-warkan lanjutan tempoh program ini kepada orang ramai.

**2.6 MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN) PENGGAL KELIMA
DEWAN NEGERI SELANGOR KE-13 (TIGA BELAS) TAHUN
2017**

Sukacita dimaklumkan bahawa **Mesyuarat Pertama (Pembukaan) Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor ke 13 tahun 2017** akan diadakan seperti ketetapan berikut:

Tarikh-tarikh Mesyuarat

- i) **27 Mac 2017 (Isnin) - Perasmian Pembukaan Dewan oleh D.Y.M.M Sultan Selangor;**
- ii) **28 - 31 Mac 2017 (Selasa – Jumaat); dan**
- iii) **3 - 7 April 2017 (Isnin – Jumaat)**

Waktu Persidangan:

Waktu persidangan ialah dari pukul 10.00 pagi hingga 1.00 tengahari dan 2.30 petang hingga 4.30 petang, **kecuali** pada hari Jumaat akan bermula pada pukul 9.30 pagi hingga 12.00 tengah hari dan 3.00 petang hingga 4.30 petang.

**Tempat Persidangan : Bangunan Dewan Negeri
Selangor, Shah Alam**

3.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 1/2017

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 1 Tahun 2017 yang telah diadakan pada 25 Januari 2017 (Rabu) disahkan tanpa pindaan.

4.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

Tiada perkara berbangkit.

5.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA

5.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 3/2017 bertarikh 8 Februari 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 4/2017 bertarikh 22 Februari 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 5.5 & m/surat 86	Encik Chang Kim Loong, A.M.N	Permohonan Pindaan Kebenaran Merancang (Pelan Susun Atur Yang Telah	Beliau memohon penjelasan pihak Majlis berhubung keputusan Mesyuarat Jawatankuasa OSC MPSJ Bil. 4 tahun 2017 yang telah menolak

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			Diluluskan Bil : MPSJ.JPB/600-1/2/BP2-1 Jld 2/PS(B) bertarikh 19 April 2016) bagi Cadangan Pembangunan Perdagangan Di Atas PT 36 dan PT 37 untuk Impiana Impresif Sdn. Bhd.	<p>permohonan daripada Impiana Impresif Sdn. Bhd. Beliau turut mencadangkan agar pemohon dipanggil untuk menyampaikan taklimat pada Mesyuarat Jawatankuasa OSC yang akan datang.</p> <p><u>Maklum balas</u></p> <p>Y.Bhg. Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa keputusan Mesyuarat Jawatankuasa OSC MPSJ Bil. 4 tahun 2017 adalah dikekalkan.</p> <p>Y.Bhg. Dato' Dipertua juga turut memaklumkan bahawa Impiana Impresif Sdn. Bhd akan dipanggil untuk memberi taklimat pada Mesyuarat Jawatankuasa OSC yang akan datang.</p> <p>Tindakan : Urusetia Pusat Setempat (OSC)</p>

5.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit & Pengurusan Korporat Bil. 2/2017 bertarikh 8 Februari 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan Bil. 2/2017 bertarikh 14 Februari 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 4 & m/surat 7	Encik Pooi Weng Keong	Laporan Bulanan Polis Diraja Malaysia (PDRM)	Beliau mencadangkan agar setiap operasi yang dijalankan oleh pihak Majlis bagi membanteras aktiviti perjudian di kawasan pentadbiran MPSJ dilakukan secara bersama dengan agensi-agensi lain yang berkaitan seperti PDRM, Jabatan Imigresen dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) bagi memastikan operasi yang dilakukan berjaya dan keselamatan anggota penguatkuasa terjamin. Makluman

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
2.	Para 4 & m/surat 7	Tuan Hj. Jaber bin Ami	Laporan Bulanan Polis Diraja Malaysia (PDRM)	Beliau mencadangkan pihak Majlis menubuhkan jawatankuasa khas yang melibatkan Ahli-Ahli Majlis bagi mengatasi permasalahan aktiviti perjudian di kawasan pentadbiran MPSJ. <u>Maklum balas</u> Y.Bhg. Dato' Yang Dipertua mengambil maklum dan bersetuju dengan cadangan tersebut. Makluman

5.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil. 2/2017 bertarikh 14 Februari 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 2/2017 bertarikh 20 Februari 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 2/2017 bertarikh 20 Februari 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut

5.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 2/2017 bertarikh 21 Februari 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 7.6.3 & m/surat 25	Encik Wan Hock Leong, P.J.M., P.P.A.	Memohon kerja-kerja turapan jalan di kawasan perusahaan 7/3, Seri Serdang yang mengalami takungan air setiap hari.	Beliau mencadangkan agar pihak Majlis menyediakan <i>Standard Operating Procedure</i> (SOP) bagi kerja-kerja penurapan jalan bagi memastikan turapan berkualiti dan tahan dalam tempoh masa yang lama. Tindakan : Jabatan Kejuruteraan

5.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan & Teknologi Maklumat Bil. 2/2017 bertarikh 22 Februari 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.0 PEMBENTANGAN KERTAS MESYUARAT

6.1 Kertas Mesyuarat Cadangan Pertukaran Keahlian Ahli Majlis Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Majlis Perbandaran Subang Jaya Bagi Penggal 2016 - 2017 (Kertas Mesyuarat Bil. 04/02/2017)

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat **bersetuju menerima dan meluluskan** Kertas Mesyuarat Cadangan Pertukaran Keahlian Ahli Majlis Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Majlis Perbandaran Subang Jaya Bagi Penggal 2016 - 2017.

7.0 PEMBENTANGAN PENYATA

7.1 Pembentangan Penyata Kewangan MPSJ Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat **bersetuju menerima dan meluluskan** Pembentangan Penyata Kewangan MPSJ Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016 tanpa sebarang pindaan.

8.0 PENUTUP

Y.Bhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.00 tengah hari. Mesyuarat Penuh MPSJ bulan **Mac 2017** akan diadakan pada **29 Mac 2017 (Rabu)** jam 10.00 pagi.

Tarikh disediakan : 06 Mac 2017

" MEMBANGUN BANGSA MEMAKMUR NEGERI "

" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "

Disediakan oleh;

.....
(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.
Timbalan Yang Dipertua
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(DATO' NOR HISHAM BIN AHMAD DAHLAN), D.P.M.S., S.M.S.
Yang Dipertua
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

LAMPIRAN A

HADIR

- | | | | |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1. | YBhg. Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan, D.P.M.S, S.M.S.
Yang Dipertua MPSJ | - | Pengerusi |
| 2. | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.
Setiausaha Perbandaran | - | Setiausaha
Mesyuarat |
| 3. | Encik Pooi Weng Keong | - | Ahli Majlis |
| 4. | Tuan Hj. Jaber bin Ami | - | " |
| 5. | Encik Roslan Shahir bin Mohd Shahir | - | " |
| 6. | Encik Edwin Lim Hock Lee | - | " |
| 7. | Encik Tai Cheng Heng | - | " |
| 8. | Encik Chong Hoon Ming | - | " |
| 9. | Encik Chia Yew Ken | - | " |
| 10. | Encik Yap Kok Weng | - | " |
| 11. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | - | " |
| 12. | Encik Mohamad Rosharizan bin Mohd Rozlan | - | " |
| 13. | Ir. Izham bin Hashim | - | " |
| 14. | Encik Wan Hock Leong, P.J.M., P.P.A. | - | " |
| 15. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi | - | " |
| 16. | Puan Norzaihan binti Ismail | - | " |

- | | | | |
|-----|---|---|---|
| 17. | Encik P. Ravi Chandaran a/l Periasamy | - | " |
| 18. | Puan Sharmazira binti Md Sharif | - | " |
| 19. | Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli | - | " |
| 20. | Puan Azalea Zulaikha binti Hj. Zulkifli | - | " |
| 21. | Puan Kavitha a/p Chandragesen | - | " |
| 22. | Encik M. Anbarasan a/l Murugesu | - | " |
| 23. | Encik Chang Kim Loong, A.M.N. | - | " |
| 24. | Puan Wong Siew Ki | - | " |
| 25. | Dr. Mahendran a/l V Markandoo | - | " |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|-----------------------------|---|-------------|
| 1. | Encik Stephen Chin Sou Bong | - | Ahli Majlis |
|----|-----------------------------|---|-------------|

TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)

1. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
2. Puan Hamizun binti Hj. Mohamad Basar, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
3. TPr. Ismail bin Muhamad, A.I.S., A.L.P.B.M., A.P.P.M.
Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
4. Tn. Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N., A.M.S.
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan

5. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
6. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
7. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam
8. Puan Hjh. Anita binti Abd. Jalil, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
9. Puan Hjh. Aida binti Omar
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
10. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Hasil
11. Encik Muhammad Azli bin Miswan
Pengarah, Jabatan Pelesenan
12. Puan Hjh. Noraziah binti Ali, P.J.K.
Pengarah, Bahagian Audit Dalam
13. Encik Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak & Ukur Bahan
14. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
15. Encik Muhd Hasnizam bin Hasan
Pengarah, Jabatan COB
16. Cik Rozdiana binti Mohd Rosmi
Pengarah, Jabatan OSC
17. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan

18. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Landskap
19. Puan Emilia binti Nasir
Penolong Pengarah, Unit Integriti
20. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
21. Encik Hazman bin Mohd Mahayudin
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
22. Encik Azfarizal bin Abd Rashid
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
23. Encik Mohd Faudzi bin Nazaruddin
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
24. Puan Rohana binti Ramli
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perancang Bandar
25. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil
26. Encik Saipudin bin Sulaiman
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pelesenan
27. Encik Samsudin bin Ayob
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
28. Encik Mazrul Zahar bin Mohd
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penguatkuasaan
29. Encik Mohd Safiee bin Junun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
30. Puan Jaswani Nazmi binti Jamaluddin
Penolong Pengarah, Jabatan Pelesenan

31. Encik Nurli Izwan bin Haji Osman
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
32. Puan Asmidar binti Shaarin
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
33. Puan Siti Kartina binti Juhari
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
34. Encik Mohd Saidi bin Alang
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
35. Puan Roslailatulhani binti Md Sawal
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
36. Puan Noraini binti Nazaruddin
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
37. Puan Zalmah binti Yahya
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
38. Puan Azizah binti Idris
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
39. Puan Nur Maini binti Arifin
Penolong Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
40. Puan Marhaini binti Mohd Sukaime
Penolong Pengarah, Jabatan Hasil
41. Encik Mohd Fadil bin Alos
Penolong Pengarah, Jabatan Audit Dalam
42. Encik Tarmidi bin Kadri
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
43. Encik Nordin bin Harun
Penolong Pengarah, Jabatan Kesihatan

44. Puan Mazlina binti Mautafa
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
45. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat Dan Pengurusan Strategik
46. Encik Zamir Umbra bin Shahimi
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat Dan Pengurusan Strategik
47. Puan Nor Najihah binti Sukor
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
48. Encik Mohamad Junus bin Baharom
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
49. Encik Mohd Nor Affandi bin Isa
Penolong Pengarah, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
50. Puan Nabila Amalina binti Mohd Hamid
Penolong Pengarah, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
51. Puan Intan Rozlina Hani binti Rasim
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
52. Puan Siti Mahirah binti Sidik
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
53. Puan Salihah binti Ramli
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
54. Puan Nurul Saadah binti A.Wahab
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
55. Cik Roshaira binti Rosly
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
56. Puan Nurnawwar binti Arpaaii
Pegawai Perubatan, Jabatan Kesihatan

57. Cik Zamzamah binti Dato' Zainuddin
Penolong Pengarah, Jabatan OSC
58. Encik Muhammad Shah Faris bin Kamarulzaman
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
59. Puan Rahasiah binti Timah
Penolong Akauntan, Jabatan Perbendaharaan

URUS SETIA

1. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Encik Salmi bin Mat Saad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir (Kanan), Jabatan Khidmat Pengurusan
4. Puan Faizah binti Mazenan
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan